



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : PENGURUSAN KESELAMATAN &  
KESIHATAN  
**KOD KURSUS** : DKM 2142  
**PEPERIKSAAN** : APRIL 2019  
**MASA** : 2 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:                           **BAHAGIAN A (20 Markah)**  
   **BAHAGIAN B (60 Markah)**  
   **BAHAGIAN C (20 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:  
i.       Kertas Soalan  
ii.      Kertas Jawapan Objektif  
iii.     Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**  
**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **sepuluh (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pencemaran cahaya terjadi disebabkan oleh \_\_\_\_  
  - A hingar industri.
  - B penyinaran (iluminasi) lebihan.
  - C pemusnahan alam fizikal dan penghakisan keindahan alam sekitar.
  - D pembebasan bahan kimia berbahaya atau bendasing dalam atmosfera.
  
2. Berapakah tahap latihan bagi seorang pekerja tapak?  
  - A 40 jam pengajaran, 3 hari latihan amali yang diselia dan 8 jam latihan ulang kaji setiap tahun.
  - B 10 jam pengajaran, 4 hari latihan amali yang diselia dan 9 jam latihan ulangk aji setiap tahun.
  - C 20 jam pengajaran, 3 hari latihan amali yang diselia dan 8 jam latihan ulang kaji setiap tahun.
  - D 40 jam pengajaran, 2 hari latihan amali yang diselia dan 8 jam latihan ulang kaji setiap tahun.
  
3. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh NIOSH kecuali  
  - A Trainers.
  - B Certificated.
  - C Health Review Commission.
  - D Research and Development.
  
4. Berikut merupakan sifat bahan kimia kecuali  
  - A toksik.
  - B berat.
  - C menghakis.
  - D mudah terbakar dan meletup.

5. Antara berikut yang manakah bukan alat untuk mengesan kebakaran dan kebocoran gas.

- A Alat Pengesan Suhu
- B Alat Pengesan Asap
- C Alat Pengesan Udara
- D Alat Pengesan Sinaran

6. Manakah kenyataan berikut adalah **salah** bagi cara-cara penggunaan alat pemadam api.

- A *P - Pull pin*
- B *A - Aim at base*
- C *S - Squeeze*
- D *S - Sort from side to side*



7. *Standpipe* api adalah peralatan yang sangat penting dalam memadam kebakaran.

Apakah fungsi bagi *Standpipe*?

- A Sejenis paip air yang dibina ke dalam bangunan bertingkat.
- B Sistem pemercik api untuk perlindungan kebakaran yang aktif.
- C Hos tekanan tinggi yang membawa air atau bahan kalis api lain untuk memadamkan api.
- D Melindungi kawasan-kawasan yang mengandungi peralatan berharga atau kritikal seperti bilik pemprosesan data, suis telekomunikasi dan bilik kawalan proses.



8. Apakah yang dimaksudkan dengan *conveyors*?

- A Peralatan untuk mengangkat dan menurunkan barang.
- B Kenderaan untuk mengangkat peralatan dengan menggunakan gear.
- C Sistem penghantar untuk pengendalian mekanikal yang bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.
- D Sejenis mesin yang dilengkapi dengan pesawat angkat tali, wayar atau rantai dan pencangkuk untuk mengangkat bahan yang lebih berat dan bergerak secara mendatar.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan Mesin Gerinda?

- A Mengasah alat pemotong agar tajam.
- B Alat yang digunakan untuk memotong logam yang keras.
- C Bahan jalur yang berputar berterusan menggunakan dua takal atau lebih untuk menggerakkan peralatan mesin.
- D Alat yang menggunakan logam pemotong yang keras atau kawat dengan tepi kasar untuk memotong bahan yang lebih keras serta mempunyai tepi logam pemotong yang bergerigi atau kasar.

10. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan jika rakan anda terkena kejutan elektrik **kecuali**

- A Mematikan suis utama.
- B Tarik mangsa dengan kain basah.
- C Menelefon bomba dengan kadar segera.
- D Memberikan bantuan pernafasan kepada mangsa walaupun tidak ada pengalaman.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **empat (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Terangkan setiap konsep amalan ‘5S’ dalam sesebuah organisasi.

(5 markah)

b. Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan satu kewajipan bagi setiap organisasi. Oleh itu,uraikan **lima (5)** kesan OSHA kepada organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 2**

a.Terangkan definisi bagi jenis *Ladder* yang berikut:

(i) *Wood Ladder*

(ii) *Metal Ladder*

(5 markah)

b.Huraikan **lima (5)** langkah-langkah yang boleh diambil bagi menjaga keselamatan dalam bangunan di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **lima (5)** faktor pemilihan pelindungan pendengaran yang digunakan semasa bekerja.

(5 markah)

b. Pelindungan pernafasan merupakan salah satu alat perlindungan diri di tempat kerja. Senaraikan **lima (5)** tujuan penggunaan pelindungan pernafasan berserta **lima (5)** langkah penjagaannya.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- a. Senaraikan lima (5) syarat am di dalam pengendalian atau penyimpanan bekas silinder yang mengandungi gas *welding*.

(5 markah)

- b. Terangkan secara ringkas berkenaan Kimpalan Arka.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **satu (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab di dalam buku jawapan.

**SOALAN 1****Kes Penyiasatan Keselamatan Pekerjaan dan Kebakaran**

Syarikat ABC (M) Bhd merupakan sebuah kilang Kimia dalam proses susun atur bahan mentah kimia oleh En. Ramu dengan menggunakan mesin angkut susun (forklift), susunan tong kimia telah terjatuh dan tumpah mengalir pada laluan pejalan kaki kilang. Tumpahan merebak ke kawasan dalam pembinaan kilang dimana kerja kimpalan sedang dijalankan. Percikan api yang terkena pada tumpahan cecair kimia tersebut menyebabkan kebakaran berlaku dan hampir keseluruhan premis terbakar. En. Ali, merupakan juruteknik kilang mengalami cedera teruk sewaktu cuba untuk menyelamatkan diri dari kawasan kebakaran tersebut. Manakala Pn. Asiah, kerani kilang turut mengalami kecederaan akibat terjatuh kerana panik dengan keadaan tersebut dan pengsan akibat terhidu asap yang tebal. Dalam keadaan yang panik, En. Roman yang merupakan pekerja pembersihan barang asing telah cuba untuk membantu merawat luka melecur En. Ali, namun luka tersebut bertambah teruk akibat tersalah menggunakan ubat yang diambil.

- a. Berdasarkan situasi di atas, selaku pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan syarikat rumuskan **lima (5)** masalah yang menjurus kepada keselamatan dan kesihatan serta **lima (5)** cara-cara untuk mengatasinya.

(10 markah)

- b. Produktiviti adalah suatu perkara penting dalam sesebuah organisasi, Walaubagaimanapun terdapat juga industri yang tidak mengambil peduli terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kerana melibatkan kos yang besar. Berikan pendapat tentang situasi ini.

(10 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

O

O